

**HELAIAN MAKLUMAT PRODUK**

Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini.

Anda juga dinasihatkan supaya membaca terma dan syarat am yang tertera di dalam Perjanjian Sewa Beli Islam. Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

**NAMA PRODUK:  
PEMBIAYAAN SEWA BELI PATUH SYARIAH****TARIKH:**

[Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

**1. APAKAH MAKLUMAT BERKENAAN DENGAN PRODUKINI?**

Kemudahan Sewa Beli Islam (Kemudahan) ini diperuntukkan bagi pembiayaan kenderaan bermotor yang terletak di bawah Akta Sewa Beli 1967. Kadar sewaan bagi pembiayaan ini dikira berdasarkan kadar tetap atau kadar boleh ubah bagi jangkamasa kemudahan tersebut. Hak pemilikan terhadap kenderaan tersebut kekal dengan Bank sehingga pelanggan membeli kenderaan bermotor tersebut daripada Bank. Jangka masa maksimum bagi Kemudahan ini adalah sembilan (9) tahun sahaja.

**2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN?**

Kontrak Syariah yang digunakan ialah **Al-Ijarah Thumma Al-Bai'** (AITAB). AITAB adalah kontrak sewaan (**Ijarah**) dan disusuli dengan kontrak jualan (**Al Bai'**). Pelanggan dilantik sebagai agen bagi pihak Bank untuk memeriksa dan menerima kenderaan yang dibiayai setelah berpuas hati dengan keadaan kenderaan tersebut bagi pihak Bank. Di bawah kontrak sewaan, pelanggan menyewa kenderaan bermotor tersebut daripada Bank pada harga sewaan yang dipersetujui sepanjang tempoh sewaan. Apabila tamat tempoh sewaan, pelanggan akan membeli kenderaan bermotor tersebut daripada Bank pada harga yang ditetapkan.

**3. APAKAH KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA)\***

Kadar Pembiayaan Asas (KPA) adalah kadar rujukan untuk kadar terapung bagi pembiayaan kenderaan seperti yang tertakluk di dalam Akta Sewa Beli 1967. KPA adalah disandarkan dengan Kadar Dasar Semalam (OPR) dimana ianya akan berubah sekiranya berlaku perubahan pada OPR seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Sekiranya OPR berubah dan caj terma anda adalah pada kadar berubah-ubah dalam perjanjian Sewa Beli Islamik anda, pihak Bank berhak untuk mengubah KPA (atau kadar lain yang ditetapkan oleh BNM) pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan akan dimaklumkan kepada anda secara bertulis mengenai perubahan tersebut. Anda mempunyai pilihan seperti berikut: -

- a. Mengekalkan jangkamasa pembiayaan dan menukar bayaran bulanan; atau
- b. Mengekalkan bayaran bulanan dan menuarkan jangkamasa pembiayaan.

Sekiranya terdapat kenaikan KPA dan anda sebagai penyewa memilih pilihan (b), anda hendaklah memaklumkan Bank akan pilihan anda, secara bertulis dan Bank mesti menerima makluman bertulis tersebut daripada anda (Penyewa) dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalender dari tarikh makluman Bank. Jika pilihan (b) adalah terpakai kepada Kemudahan Sewa Beli Islamik anda, kemudahan anda akan diklasifikasikan sebagai "dijadualkan semula dan distrukturkan semula" dan perkara ini adalah dilaporkan kepada Sistem Maklumat Rujukan Kredit

(CCRIS) BNM. Klasifikasi tersebut akan memberi kesan kepada anda sebagai Penyewa seperti berikut:-

- laporan CCRIS BNM, akan menunjukkan Kemudahan Sewa Beli anda adalah dijadualkan semula dan distrukturkan semula;
- tempoh kemudahan bertambah/ berlanjutan; dan
- peningkatan dalam jumlah kos kemudahan.

Permintaan bagi mengekalkan bayaran bulanan sedia ada boleh dibuat melalui:

- permintaan bertulis kepada Pusat Pembiayaan Automobil; atau
- email kepada Pusat Pembiayaan Automobil; atau
- datang sendiri ke Pusat Pembiayaan Automobil yang berhampiran.

**Nota:**

\* BFR ini tidak terpakai untuk Kadar Tetap (“*Fixed Rate*”).

#### 4. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

Jumlah Pembiayaan	RM _____
Tempoh Pembayaran	_____ tahun ( _____ bulan)
Caj Terma	i. Kadar Tetap _____% setahun Kadar Peratusan Tahunan _____% setahun atau ii. Kadar Boleh Ubah _____% setahun

#### 5. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

##### A. Kadar Tetap\*

Ansuran sewaan bulanan	RM _____ bagi tempoh _____ bulan dan ansuran terakhir sebanyak RM _____
Jumlah yang perlu dibayar	RM _____

“Pelan Kereta Pertama Saya”/ Paket Pembayaran Balik (Pembayaran) Dipercepatkan (*Accelerated Repayment (Payment) Package*) [ARP] - Ansuran bulanan anda adalah dalam bentuk “Step-up” atau “Step-down” yang berdasarkan pembayaran peringkat tetap. Bayaran peringkat tetap adalah berdasarkan apa yang ditawarkan oleh Bank.

ATAU

##### B. Kadar Boleh Ubah \*\*

Ansuran sewaan bulanan	RM _____ bagi tempoh _____ bulan dan ansuran terakhir sebanyak RM _____
Jumlah yang perlu dibayar	RM _____

\*Kadar maksimum untuk Kemudahan di bawah Kadar Tetap adalah 10% setahun tetap.

\*\*Bagi Kemudahan di bawah Kadar Boleh Ubah, kadar minimum ditetapkan adalah pada 4.10% setahun dan kadar maksimum dihadkan pada 17% setahun. Bagi pembiayaan di bawah Kadar Boleh Ubah, bayaran ansuran sewaan bulanan dan jumlah yang perlu dibayar akan berubah jika Kadar Pembiayaan Asas (KPA) berubah. Pihak Bank akan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender notis sebelum tarikh pelaksanaan perubahan sewaan bulanan.

Sebagai Penyewa, anda mempunyai obligasi untuk membayar bayaran sewa tepat pada masanya, memaklumkan kepada Bank (Tuan Punya) akan sebarang perubahan dalam alamat tempat tinggal anda dan sentiasa memastikan kenderaan yang dibiayai sentiasa dilindungi insurans dengan secukupnya.

## 6. BERAPAKAH FI DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

Fi Kena Bayar	RM
Duti Setem - Tanpa Penjamin	20.00
Duti Setem - Dengan Penjamin	60.00
Caj e-hakmilik	3.24
Pos - Tanpa Penjamin	10.00
Pos - Dengan Penjamin	20.00

## 7. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI KEWAJIPAN SAYA?

Akibat daripada kegagalan memenuhi pembayaran bulanan anda ialah: -

<b>Caj Bayaran Lewat (CBL)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <u>Ansuran tertunggak atau bayaran berjadual</u> 1% setahun atas jumlah ansuran tertunggak dari tarikh kemudahan yang pertama kali dikeluarkan sehingga tarikh matangnya</li> <li>ii. <u>Tamat tempoh Kemudahan atau apabila mendapat penghakiman, yang mana dahulu</u> Purata kadar semalamhan harian Pasaran Wang antara Bank secara Islam ke atas baki tertunggak dan perlu dibayar Walaupun Caj Bayaran Lewat dikenakan, jumlah tersebut tidak akan dikompaun lagi.</li> </ul>
<b>Hak Penyelesaian</b>	Pihak Bank merizab hak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit di dalam akaun simpanan/semasa anda yang dibuka dengan kami dengan apa-apa jumlah yang tertunggak dalam akaun kemudahan sewa beli ini dengan memberi anda tujuh (7) hari kalender notis terlebih dahulu.
<b>Tindakan Undang - Undang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pihak Bank sebagai Pemilik berhak untuk mengambil semula milikan kenderaan tersebut.</li> <li>ii. Selain itu, tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan amaun tertunggak yang perlu dibayar terhadap kemudahan sewa beli ini. Tindakan ini akan menjelaskan penarafan kredit anda yang akan menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.</li> </ul>

a) Pengambilan semula akan berlaku apabila :-

- (i) kemungkiran bayaran ansuran bulanan dua kali berturut-turut, ATAU
- (ii) Tiada kemungkiran bayaran ansuran bulanan empat kali berturut-turut oleh waris jika Penyewa telah meninggal dunia.

b) Prosedur Pengambilan Semula Milikan

- (i) Pihak Bank akan mengeluarkan Notis Tujuan Untuk Mengambil Semula Milikan (menurut Seksyen 16(1) Akta Sewa Beli 1967 (Akta Sewa Beli). Notis ini (lazimnya dirujuk sebagai Notis Jadual Keempat) memberi dua puluh satu (21) hari kalendar (“Tempoh Penangguhan”) kepada anda sebagai penyewa untuk melunaskan tunggakan sewaan.
- (ii) Jika tiada pembayaran adalah dibuat dalam masa 14 hari selepas Notis Jadual Keempat dikeluarkan, satu notis menurut Peraturan 15 di bawah Peraturan-Peraturan Sewa-Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barang) 2011 akan dikeluarkan, memberitahu anda tentang hasrat Bank sebagai Tuan Punya untuk mengambil semula milikan kenderaan tersebut selepas tamatnya tempoh Notis Jadual Keempat tersebut.
- (iii) Selepas tamatnya Tempoh Penangguhan, Bank boleh memulakan tindakan pengambilan semula milikan dengan mengeluarkan Perintah Pengambilan Semula Milikan kepada pengambil semula yang diberi kuasa untuk mengambil semula milikan kenderaan tersebut.

Walaubagaimanapun, bagi kes-kes di mana jumlah bayaran sewaan yang telah dibayar oleh penyewa melebihi 75% daripada harga tunai asal kenderaan tersebut, pihak Bank akan mendapatkan Perintah Mahkamah terlebih dahulu dan kemudian mengambil langkah-langkah di dalam 7(b) (i), (ii) dan (iii) seperti di atas.

c) Tindakan Pengambil Semula Milikan

- (i) Pengambil Semula Milikan yang diberi kuasa dan pemegang permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang akan melakukan pengambilan semula milikan dengan membawa dokumen berikut:-
  - (1) Perintah Pengambilan Semula Milikan yang dikeluarkan oleh Bank,
  - (2) Perintah Mahkamah (jika terpakai) untuk mengambil semula milikan.
- (ii) Dalam melaksanakan pengambilan semula milikan, pengambil semula milikan mestilah menyediakan dokumen-dokumen yang tersebut di atas beserta dengan Kad Pengenalan dan Permitnya untuk diperiksa dan dipastikan.
- (iii) Pengambil Semula Milikan mestilah mengikuti garis panduan dan kod etika yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuk yang diwujudkan oleh Persatuan Syarikat-syarikat Sewa-Beli Malaysia (AHPCM).

Selepas pengambilan semula milikan, Bank akan mengeluarkan notis untuk mengambil kembali (juga dikenali sebagai Notis Jadual Kelima) yang memberi anda 21 hari untuk melakukan salah satu daripada perkara berikut :-

- a. Membayar semua jumlah yang tertunggak dan perbelanjaan yang berkaitan yang dibayar oleh pihak Bank untuk mengambil kembali kenderaan (termasuk bayaran pengambil semula milikan, menarik kenderaan, penyimpanan dan sebagainya), ATAU
- b. Membayar keseluruhan baki jumlah tertunggak bagi kemudahan ini, termasuk perbelanjaan yang dibayar oleh pihak Bank (seperti di atas), ATAU
- c. Memperkenalkan seorang pembeli untuk membeli kenderaan tersebut pada harga yang tercatat di dalam notis.

Bank boleh menjual/melupuskan kenderaan tersebut samada secara lelongan awam atau jualan persendirian bagi tujuan mendapatkan semula amaun ter hutang di bawah Perjanjian Sewa Beli jika penyewa gagal memenuhi had masa 21 hari di dalam Jadual Kelima.

## 8. APAKAH RISIKO UTAMA?

- Kadar Faedah

- i. Kadar Tetap

Tiada. Kadar faedah kemudahan sewa beli adalah tetap untuk keseluruhan tempoh dan tidak akan dijejas oleh perubahan dalam kadar pasaran.

- ii. Kadar Berubah-ubah

Kadar Pembolehubah ditanda aras terhadap KPA. Semakan dalam KPA akan menyebabkan peningkatan/penurunan sewaan bulanan atau pemanjangan/pemendekkan tempoh kemudahan (atas pilihan Penyewa)

- iii. Pembayaran Ansuran yang Tertunggak Dan Pengambilan Semula Milikan

Kenderaan anda akan diambil semula dan kemudiannya dilupuskan jika anda tidak memenuhi pembayaran balik kemudahan sewa beli anda. Anda dikehendaki memastikan pembayaran ansuran bulanan anda adalah tepat pada masa untuk mengelakkan tindakan pengambilan semula milikan kenderaan tersebut.

## 9. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

Anda berhak untuk mendapatkan rebat terhadap pembiayaan yang tidak diperolehi oleh Maybank untuk penyelesaian awal kemudahan yang berkadar tetap sahaja. Rebат ini adalah pemulangan sebahagian daripada caj terma (pembiayaan) yang dikira mengikut formula yang dinyatakan di dalam Akta Sewa Beli 1967.

## 10. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Ya. Anda dikehendaki untuk mengambil perlindungan Takaful komprehensif untuk kenderaan bermotor yang dibiayai dibawah Sewa Beli Islam.

Anda perlu melanggan perlindungan takaful berikut yang ditawarkan oleh pengendali takaful untuk melindungi kenderaan daripada sebarang risiko kehilangan dan kerosakan:

- i. Perlindungan Komprehensif Kenderaan (melindungi kebakaran, kecurian dan kemalangan).
- ii. Bencana Khas (melindungi akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain).
- iii. Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART).
- iv. Pampasan untuk Kehilangan Penggunaan.
- v. Perlindungan takaful yang berkenaan.

Jika anda gagal untuk melanggan perlindungan takaful yang disyorkan oleh pihak Bank, anda dikehendaki menanggung dan membayar segala kerugian ke atas kerosakan kenderaan anda. Anda disyorkan untuk mendapatkan perlindungan takaful daripada pengendali takaful pihak Bank atau pengendali takaful lain yang diluluskan oleh pihak Bank.

Dalam mendapatkan perlindungan takaful di atas, pihak Bank menasihatkan anda tentang perkara berikut:

- i. Skim/pelan takaful harus menjadi pilihan pertama anda untuk perlindungan kenderaan
- ii. Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi kenderaan dalam keadaan berikut:
  - a) Jika tidak ada perlindungan takaful yang ditawarkan atau tersedia di pasaran untuk kenderaan itu, ATAU
  - b) Permohonan anda bagi perlindungan takaful untuk kenderaan ditolak oleh semua pengendali takaful,

ATAU

- c) Kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan takaful.

**11. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?**

Adalah penting untuk anda memberitahu Bank apa-apa perubahan dalam butir-butir perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menjurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**12. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif bayaran. Anda juga boleh menghubungi kami jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami di:

Pembentangan Automobil,  
Malayan Banking Bhd,  
No.1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2297 2304,  
Fax: 03-2283 2020

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, dan penstrukturkan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 1, Menara Aras Raya,  
Jln Raja Laut, City Centre,  
50350 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Tel : 03-26167766  
Website : <https://www.akpk.org.my/>

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK (BNMLINK) di:

Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465 (LINK)  
Fax: 03-2174 1515

**13. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang kemudahan Sewa Beli, sila rujuk kepada laman web [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) di bawah pembiayaan Sewa Beli atau sila kunjungi Pusat Pembiayaan Automobil Maybank yang berhampiran.

Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Maklumat Produk ini.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama:

Maklumat dalam helaian maklumat produk ini adalah sah pada : Februari 2025